

STPM Kertas 1 Set KVK 2:

Soalan 3

Sandra Wong menjalankan sebuah perniagaan yang kecil. Beliau tidak menyimpan maklumat perakaunan yang lengkap. Bagi tahun berakhir 30 Jun 2020, beliau telah mendapatkan khidmat seorang pelajar perakaunan untuk menyediakan penyata pendapatannya. Beliau tidak berpuas hati dengan penyata pendapatan yang disediakan oleh pelajar tersebut. Beliau berasa penyata pendapatan ini tidak dibuat dengan betul.

Sandra Wong telah menyediakan maklumat-maklumat perniagaannya serta hasil kerja pelajar seperti di bawah:

(1) Pada 30 Jun 2020, baki-baki berikut telah didapati:

	1 Julai 2019 (RM)	30 Jun 2020 (RM)
Kenderaan (kos)	38,000	38,000
Alatan pejabat (nilai bersih)	8,660	7,560
Akaun belum terima	3,950	5,020
Akaun belum bayar	2,400	2,150
Inventori	8,840	10,100
Insurans terdahulu	220	180
Komisen diterima terakru	600	800
Bank	4,620	20,130

(2) Akaun penerimaan dan pembayaran bagi tahun berakhir 30 Jun 2020:

Penerimaan	RM	Pembayaran	RM
Baki b/b	4,620	Belian	3,900
Jualan	12,140	Akaun belum bayar	14,110
Akaun belum terima	35,600	Ambilan	5,600
Komisen	2,450	Alatan pejabat	800
Jualan alatan pejabat	1,000	Gaji	6,000
		Sewa	3,600
		Kadar bayaran	920
		Insurans	400
		Belanja am	350
		Baki h/b	20,130
	55,810		55,810

(3) Penyediaan akaun kawalan perniagaan:

Akaun Kawalan belum terima

	RM		RM
Baki b/b	3,950	Bank	35,600
Jualan	37,390	Pulangan masuk	320
		Hutang lapuk	240
		Pindahan kontra – Lejar jualan ke lejar belian	160
		Baki h/b	5,020
	41,340		41,340

Akaun Kawalan belum bayar

	RM		RM
Bank	14,110	Baki b/b	2,400
Diskaun diterima	290	Belian	14,150
Baki h/b	2,150		
	16,550		16,550

(4) Penyata pendapatan bagi tahun berakhir 30 Jun 2020:

	RM	RM	RM
Jualan			37,390
(-) Pulangan jualan			320
			37,070
Tolak: Kos jualan			
Inventori awal		8,840	
(+) Kos belian			
Belian		18,050	
		26,890	
(-) Inventori akhir		10,100	16,790
Untung kasar			20,280
(+) Hasil lain			
Diskaun diterima		290	
Komisen diterima		2,450	2,740
			23,020
Tolak: Belanja			
Susut nilai kenderaan		3,800	
Susut nilai alatan pejabat		1,100	
Gaji		6,000	
Sewa		3,600	
Kadar bayaran		920	
Insurans		400	
Belanja am		350	16,170
Untung bersih			6,850

(5) Maklumat tambahan:

- Kenderaan telah dibeli pada 1 Julai 2018. Kenderaan disusutnilaikan pada kadar 20% atas kos dan kaedah penilaian semula digunakan untuk alatan pejabat. Jualan alatan pejabat telah dibuat pada nilai bersihnya.
- Inventori berkos RM1,200 didapati rosak dan hanya dapat dijual pada harga RM860.

Dikehendaki:

- (a) Mengenal pasti **LAPAN (8)** kesilapan yang telah dilakukan semasa penyediaan penyata pendapatan perniagaan ini. Nyatakan kesan, dengan amaun, setiap kesilapan ini terhadap untung bersih perniagaan. (8 markah)
- (b) Sediakan satu penyata yang menyelaraskan untung bersih perniagaan ini supaya untung bersih yang dilaporkan adalah betul. (6 markah)
- (c) Sediakan penyata kedudukan kewangan bagi perniagaan Sandra Wong pada 30 Jun 2020, iaitu selepas semua kesilapan diperbetulkan. (6 markah)